

06/02/1998

Ahli ingkar tetap kena tindakan

Ahmad Burak

KUALA LUMPUR, Khamis - Pemimpin dan ahli Umno Kelantan yang tidak menghiraukan nasihat Presiden Umno supaya mengelakkan pertandingan dalam pemilihan parti bulan depan masih boleh dikenakan tindakan, walaupun larangan dibuat dalam bentuk nasihat.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik berkata, secara teknikal tindakan tidak boleh diambil terhadap yang ingkar nasihat tetapi mereka masih tidak terlepas daripada tindakan dalam bentuk lain.

"Betul, secara teknikal tindakan tidak boleh diambil kepada mereka yang ingkar dan tidak mendengar nasihat. Dari segi ini, Yang Amat Berhormat Presiden Umno menasihat kita, betul teknikalnya kita tak boleh ambil tindakan tapi kalau presiden nasihat, takkan kita tak dengar cakap presiden.

"Tindakan mungkin tidak boleh diambil kerana mereka ingkar bertanding tetapi kalau tindakan hendak diambil, ia boleh dibuat pada waktu lain," katanya kepada pemberita mengulas kenyataan awal beliau mengenai nasihat Dr Mahathir Mohamad supaya ahli dan pemimpin Umno Kelantan berunding untuk mengelakkan pertandingan pada pemilihan Mac depan.

Sehubungan itu, katanya, pemimpin dan Umno Kelantan perlu memberi perhatian serius kerana Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed adalah pemimpin tertinggi Umno.

"Saya hanya memberi definisi erti arahan dan nasihat. Kalau nasihat kita tidak boleh ambil tindakan, tapi arahan kita boleh ambil tindakan.

"Ini nasihat Presiden Umno. Kalau ibu bapa kita beri nasihat, kita nak langgar nasihat mereka?" katanya.

Kelmarin, Sabbaruddin berkata, Umno tidak boleh mengambil sebarang tindakan kepada ahli yang melanggar nasihat untuk tidak bertanding dalam pemilihan bulan depan, walaupun nasihat supaya mengadakan perundingan sudah dibuat oleh presiden parti.

Menurutnya, dari segi perlembagaan, tiada tindakan boleh dikenakan kepada ahli yang ingkar kerana ia diberi dalam bentuk nasihat.

Bagaimanapun, katanya, tindakan disiplin boleh diambil jika presiden mengeluarkan larangan dalam bentuk arahan.

Beliau mengulas nasihat Perdana Menteri yang juga Presiden Umno minggu lalu bahawa Umno berusaha memastikan pemilihan bagi jawatan parti di peringkat bahagian pada Mac depan dilakukan secara rundingan, bukan pertandingan.

Menurut Dr Mahathir, MT akan menjelaskan kepada ahli dan pemegang jawatan parti peringkat bahagian supaya mencapai persetujuan di kalangan mereka bagi mengelak pertandingan demi kepentingan parti.

Dalam perkembangan lain, Sabbaruddin berkata, mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Pengurusan hari ini membincangkan mengenai tindakan disiplin terhadap seorang ketua bahagian yang didapati melanggar peraturan parti.

Menurutnya, bahagian itu mengalami perselisihan faham dengan Pergerakan Pemuda dan menubuhkan Jawatankuasa Bertindak Pemuda, yang menyalahi perlembagaan parti.

(END)